

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.10.2016

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) jumlah cukai individu dan cukai syarikat yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) setakat ini bagi tahun 2016 dan bilangan kes audit cukai dan penyiasatan cukai yang dijalankan oleh LHDN dalam 5 tahun yang lepas dan bilangan kes setakat ini bagi tahun 2016; dan
- (b) jumlah tunggakan cukai dan penalti yang di kutip pada 2016 melalui pengampunan cukai, dan anggaran jumlah cukai langsung yang dikutip bagi tahun semasa.

JAWAPAN

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah cukai pendapatan individu dan syarikat yang dikutip oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sehingga 9 Oktober 2016 adalah seperti berikut:

Kategori Pembayar Cukai	Amaun Kutipan (RM Bilion)
Individu	24.99
Syarikat	48.04

Bilangan kes audit cukai dan siasatan yang dijalankan oleh LHDN dalam tempoh 6 tahun yang lepas dengan jumlah kes yang telah diselesaikan sehingga September 2016 adalah 6,801,174 bagi kes audit dan 5,143 bagi kes siasatan.

(b) Untuk makluman Yang Berhormat, tiada pengampunan cukai yang diberikan kepada pembayar cukai yang melanggar undang-undang percukaian. Di bawah pengumuman penyesuaian Bajet 2016 yang telah diumumkan pada bulan Januari 2016 dan telah dilaksanakan oleh LHDN, ia ditumpukan kepada pengurangan yang signifikan ke atas jumlah penalti dan kenaikan dikenakan mengikut jenis kesalahan yang dilakukan. Sehingga 31 Ogos 2016, jumlah tunggakan cukai dan penalti yang telah berjaya dikutip susulan pengumuman tersebut adalah melibatkan pengurangan penalti bagi sejumlah 32,207 kes yang melibatkan amaun kutipan berjumlah RM304.08 juta, manakala pengurangan kenaikan cukai bagi sejumlah

20,092 kes yang telah berjaya menghasilkan kutipan cukai langsung berjumlah RM1,407.18 juta.

Anggaran jumlah cukai langsung mengambil kira senario ekonomi yang dijangka dapat dikutip meliputi cukai pendapatan, duti setem dan cukai keuntungan harta tanah tahun 2016 adalah sebanyak RM110.5 bilion.